

HARUN-PERTEMUAN

1982
KUALA LUMPUR, 3 SEPT. (BERNAMA) -- BEKAS MENTERI BESAR SELANGOR, DATUK HAJI HARUN IDRIS MENYAMPAIKAN TERIMA KASIHNYA KEPADA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERHUBUNG DENGAN PENGAMPUNAN PENJAH YANG DITERIMANYA TIGA HARI LALU.

PENGAMPUNAN TERSEBUT DIPERKENANKAN OLEH YANG DI-PERTUAN AGONG ATAS NASIHAT PERDANA MENTERI DAN DENGAN PERAKUAN LEMBAGA PENGAMPUNAN WILAYAH PERSEKUTUAN SEMPENA JUBLI PERAK KEMERDEKAAN PADA 31 OGOS.

SEMALAM DATUK HAJI HARUN YANG JUGA NAIB-PRESIDEN UMNO MENYEMBAHKAN UCAPAN TERIMAKASIH BELIAU KEPADA YANG DI-PERTUAN AGONG DALAM SATU UPACARA MENGADAP DI ISTANA NEGARA.

JURUCAKAP UMNO SELANGOR BERKATA DI SINI BAHAWA UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA DATUK SERI DR. MAHATHIR ITU DISAMPAIKAN SENDIRI OLEH DATUK HAJI HARUN APABILA BELIAU MENEMUI PERDANA MENTERI DI PEJABATNYA HARI INI.

-- LAGI 1821/LK

B617:

HARUN-PERTEMUAN 2 KUALA LUMPUR

TURUT SERTA DALAM PERTEMUAN ITU IALAH 14 ORANG TOKOH UMNO SELANGOR.

MEREKA TERMASUK SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR, ENCIK SAIDIN THAMBY, ANGGOTA EXCO ENCIK FAHMI IBRAHIM, ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI KAWASAN SEMENTA, ENCIK ONN ISMAIL, ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI KAWASAN SUNGAI AIR TAWAN, ENCIK ZAINAL DAHLAN SERTA TIGA ORANG TOKOH VETERAN UMNO.

KETIGA-TIGA TOKOH VETERAN ITU IALAH HAJI SULAIMAN PALESTIN, ISU WANJAH DAN HAJI KAHARUDDIN MUKMIN.

JURUCAKAP ITU MENJELASKAN DALAM PERTEMUAN TERSEBUT BERBAGAI-BAGAI ISU YANG MENYENTUH MASA DEPAN UMNO TELAH DIBINCANGKAN.

-- BERNAMA 1825/LK